

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

- (a) jumlah aduan gangguan atas talian (*online harassment*) yang diterima SKMM mengikut pecahan jantina, umur, bangsa, jenis aduan serta negeri pengadu dan pelaku, antara 2016 dan 2021; dan
- (b) dari jumlah ini bilangan aduan yang telah disiasat dan diambil tindakan sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2016 hingga 30 September 2021, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima sebanyak **15,238** aduan awam secara umum yang berkaitan dengan gangguan atau *harassment* (dengan izin) yang dilakukan secara dalam talian. Ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada buli, gangguan seksual, ancaman, tindakan menakut-nakutkan serta penyalahgunaan maklumat, butiran atau gambar peribadi bagi tujuan penganiayaan dan untuk memalukan atau mengaibkan individu tertentu.

Dalam tempoh tersebut, sejumlah **963** kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyalahgunaan media sosial melibatkan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], dan **60** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dengan **241** pertuduhan. Walau bagaimanapun, pihak SKMM tidak mempunyai perincian data jantina, umur, bangsa serta negeri pengadu dan pelaku seperti yang diminta.

Bagi tindakan-tindakan lain yang turut diambil oleh SKMM termasuklah menasihati dan memberi panduan kepada pihak yang terkesan dan merujuk kepada penyedia platform media sosial yang terlibat untuk penelitian lanjut berasaskan terma perkhidmatan dan piawaian komuniti mereka. Tindakan yang diambil juga adalah berdasarkan dengan tuntutan yang dibuat oleh pengadu bagi aduan yang dikemukakan.

Bagi aduan yang berada di luar bidang kuasa SKMM, aduan tersebut akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan, dan bantuan kepakaran teknikal akan diberikan kepada mereka.